 - (iii) Aku Janji Pembelian dimungkirkan oleh Ahli Kad apabila Ahli Kad atau ejennya gagal atau enggan melaksanakan Kontrak Jualan *Murabahah* walaupun kontrak yang sama dikuatkuasakan oleh Bank yang mana Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk membayar kos sebenar yang ditanggung oleh Bank disebabkan oleh kemungkirkan tersebut; dan
 - (iv) Aku Janji Pembelian dibatalkan apabila:
 - a) Bank bersetuju dengan pembatalan Aku Janji

- Pembelian oleh Ahli Kad; atau
- b) Ahli Kad atau ejennya gagal atau enggan melaksanakan Kontrak Jualan *Murabahah* dan Bank tidak menguatkuasakan Aku janji Pembelian itu.
- 3.2.2 Ahli Kad melantik Bank di bawah Kontrak *Wakalah* sebagai ejen untuk membeli Komoditi daripada Bank dan/atau untuk menjual Komoditi kepada Broker Pembelian.
 - 3.2.3 Bank membeli Komoditi daripada Pedagang Komoditi pada Harga Belian Bank, yang bersamaan dengan Had Kredit.
 - 3.2.4 Bank, selepas itu, boleh menjual Komoditi kepada Ahli Kad dan Ahli Kad melalui Bank sebagai ejen hendaklah membeli Komoditi itu daripada Bank pada Harga Jualan Bank berdasarkan prinsip *Murabahah* (kos tambah) dan perlu dibayar secara tertunda berdasarkan terma yang dipersetujui ("Kontrak Jualan *Murabahah*"). Harga Jualan Bank hendaklah diselesaikan oleh Ahli Kad (sebagai pembeli) menurut Fasal 5.1 di bawah. Berikutan pelantikan Bank sebagai ejen pembelian di bawah Kontrak *Wakalah*, Bank hendaklah diberi kuasa untuk melaksanakan Kontrak Jualan *Murabahah* bagi pihak Ahli Kad. Pihak-pihak bersetuju bahawa pengesahan urusan niaga yang berkenaan seperti sijil dagangan dan pesanan penghantaran yang diperolehi daripada platform sistem *Murabahah* Komoditi pilihan Bank yang digunakan untuk urusan niaga hendaklah menjadi bukti Kontrak Jualan *Murabahah* yang dilaksanakan.
 - 3.2.5 Ahli Kad boleh memilih untuk menerima penghantaran Komoditi secara fizikal, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan berkaitan dengan penghantaran tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Kad. Bank akan membantu untuk menyampaikan mesej kepada Pedagang Komoditi mengenai hasrat Ahli Kad untuk menerima penghantaran secara fizikal, dan apa-apa komunikasi lanjut antara Ahli Kad dengan pihak yang terlibat untuk membuat penghantaran secara fizikal adalah tanggungjawab Ahli Kad sendiri. Dalam keadaan ini, Ahli Kad mengakui bahawa Prosid tidak akan dikreditkan dan disediakan untuk penggunaan dalam Akaun Kad. Walau bagaimanapun, Had Kredit akan dianggap telah digunakan sepenuhnya dan Kadar Keuntungan Efektif mengikut Fasal 5 akan terakru sehingga Harga Jualan Bank diselesaikan.
 - 3.2.6 Sebaliknya, Ahli Kad boleh, menurut Kontrak *Wakalah*, mengarahkan Bank sebagai ejennya untuk menjual Komoditi kepada Broker Pembelian atas dasar pembayaran tunai segera pada Harga Belian Bank. Prosid jualan hendaklah disediakan oleh Bank dalam Akaun Kad dalam bentuk Had Kredit untuk kegunaan Ahli Kad mengikut Terma dan Syarat ini.
 - 3.2.7 Selepas penjualan Komoditi kepada Broker Pembelian selesai, Bank, atas permintaan Ahli Kad, akan mengeluarkan pengesahan urusan niaga.
 - 3.2.8 Ahli Kad akan dimaklumkan mengenai kelulusan Kad Kredit-i melalui SMS dan Kad Kredit-i akan diambil oleh atau dihantar kepada Ahli Kad di alamat penerimaan yang dipilih dalam Borang Permohonan.

4. SYARAT PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN DI BAWAH KEMUDAHAN KAD KREDIT-I

- 4.1 Seperti yang diperuntukkan di bawah Kontrak *Wakalah*, Ahli Kad akan melantik Bank sebagai ejennya untuk menjalankan pembelian dan/atau penjualan Komoditi bagi pihaknya bagi tujuan urusan niaga *Tawarruq* di bawah kemudahan Kad Kredit-i. Pelantikan ini tanpa syarat dan tidak boleh ditarik balik dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Bank meluluskan Kad Kredit-i kepada Ahli Kad dan akan wujud selagi kemudahan Kad Kredit-i terus berkuatkuasa dan/atau Keberhutangan masih belum dijelaskan termasuk untuk pengeluaran baharu Kad Kredit-i, perubahan Had Kredit, pengeluaran Kad-i Tambahan dan pembaharuan tempoh kemudahan Kad Kredit-i. Bank akan membeli Komoditi untuk Ahli Kad dan menjualnya kepada Broker Pembelian yang bertindak semata-mata untuk kepentingan Ahli Kad sepanjang proses. Ahli Kad memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan dan menyerahkan apa-apa dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh Bank untuk melaksanakan obligasinya di bawah proses pembelian dan/atau penjualan.
- 4.2 Ahli Kad membenarkan Bank untuk melaksanakan apa-apa dokumen yang diperlukan untuk memenuhi kewajipannya semasa pembelian

dan/atau penjualan termasuk mewakilkan hak dan kewajibannya sebagai ejen kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang perlu bagi menyelesaikan urusan niaga yang diperlukan. Bank akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan prosid jualan sepadan dengan harga yang dipersetujui. Selain itu, Ahli Kad memahami bahawa Bank mungkin perlu mendedahkan peranannya sebagai ejen kepada pihak ketiga yang terlibat dalam urusan niaga tersebut.

- 4.3 Ahli Kad bersetuju untuk membuka dan menyenggara akaun dengan Bank, membenarkan Bank untuk beroperasi bagi pihaknya. Prosid, yang bersamaan dengan Had Kredit, akan dikreditkan dalam Akaun Kad, dan Ahli Kad mesti mematuhi semua keperluan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 4.4 Kontrak *Wakalah* adalah terhad dan Bank hendaklah bertindak secara eksklusif sebagai ejen Ahli Kad bagi tujuan khusus yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat ini dan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa obligasi lain. Sekiranya apa-apa perbelanjaan, fi atau komisen dikenakan yang sebelum ini tidak dinyatakan dalam invoice pada masa pembayaran, perbelanjaan, fi atau komisen ini akan didebitkan dalam Akaun Kad sebaik sahaja Bank menerima invoice yang sepatutnya.
- 4.5 Kontrak *Wakalah* akan lengkap dan ditamatkan secara automatik selepas penyelesaian penuh Keberhutangan dan pembatalan kemudahan Kad Kredit-i.
- 4.6 Bank sebagai ejen akan dipertanggungjawabkan atas kerugian atau ganti rugi yang dialami jika kerugian atau ganti rugi itu disebabkan oleh salah laku, kecuaihan atau kemungkiran oleh Bank terhadap terma Kontrak *Wakalah*.

5. SYARAT PEMBAYARAN HARGA JUALAN BANK

- 5.1 Harga Jualan Bank di bawah Kontrak Jualan *Murabahah* hendaklah dikira seperti yang berikut dan hendaklah dibayar oleh Ahli Kad pada Tarikh Perlu Bayar mengikut penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank:

$\text{Harga Jualan Bank} = \text{Harga Kos} + (\text{Harga Belian Bank} \times \text{Keuntungan Siling} \times \text{Tempoh Kad Kredit-i})$
--

- 5.2 Bahagian keuntungan Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagiannya yang belum dibayar berdasarkan penggunaan Ahli Kad akan terakru setiap hari dan perlu dibayar kepada Bank berdasarkan kadar akruan keuntungan efektif berperingkat dari 15% setahun hingga 18% setahun berdasarkan yang berikut:

Urus Niaga Runcit	15% setahun	Dengan pembayaran segera selama 12 bulan berturut-turut
	17% setahun	Dengan pembayaran segera sekurang-kurangnya 10 kali dalam tempoh 12 bulan yang lalu
	18% setahun	Dengan pembayaran segera kurang daripada 10 kali dalam tempoh 12 bulan yang lalu
Pengeluaran Tunai	18% setahun	Kadar Keuntungan Efektif untuk Pengeluaran Tunai

- 5.3 Tertakluk pada Fasal 5.4 di bawah, sekiranya amaun yang ditanggung untuk Urus Niaga Runcit tidak dibayar/dibayar balik kepada Akaun Kad pada Tarikh Perlu Bayar yang dinyatakan dalam penyata bulanan untuk urusan niaga tersebut, Kadar Keuntungan Efektif untuk urusan niaga yang sama akan terakru serta-merta selepas tarikh penyata bulanan yang mana urusan niaga pembelian direkodkan sehingga tarikh pembayaran penuh.
- 5.4 Untuk Urus Niaga Runcit, Ahli Kad diberi tempoh penanguhan selama dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh penyata bulanan yang mana urusan niaga direkodkan dalam penyata bulanan, yang mana pada tempoh tersebut, Kadar Keuntungan Efektif tidak akan terakru kepada Bank, dengan syarat semua Baki Belum Jelas pada bulan sebelumnya diselesaikan sepenuhnya pada Tarikh Perlu Bayar. Sekiranya tempoh penanguhan tidak diterima pakai, Kadar

Keuntungan Efektif mengikut kadar akruan keuntungan berperingkat yang diterima pakai seperti yang dinyatakan di atas akan dikenakan dari tarikh urus niaga dicatatkan.

- 5.5 Kadar Keuntungan Efektif untuk urus niaga Pengeluaran Tunai hendaklah terakru dari tarikh urus niaga sehingga tarikh pembayaran penuh.
- 5.6 Setelah menerima penyata bulanan Akaun Kad, Ahli Kad dikehendaki membuat pembayaran untuk keseluruhan amaun belum jelas seperti yang ditunjukkan dalam penyata bulanan pada atau sebelum Tarikh Perlu Bayar dan tiada Caj Keuntungan akan dikenakan atas Urus niaga Runcit semasa yang direkodkan dalam penyata. Ahli Kad juga boleh memilih untuk membuat Pembayaran Minimum seperti yang berikut:
- 5.6.3 (i) Sekurang-kurangnya 5% daripada Baki Belum Jelas;
(ii) amaun penuh Ansuran Bulanan berkontrak bagi mana-mana Pelan Pembayaran Mudah, Pelan Pindahan Baki dan Pertukaran Baki Automatik; dan
(iii) semua amaun lebih sekiranya keseluruhan amaun belum jelas di bawah Akaun Kad melebihi Had Kredit (jika berkenaan);
ATAU
- 5.6.4 RM50;
mana-mana yang lebih tinggi.
- 5.7 Bank akan memberi Ibra' (rebat) bagi sebahagian atau keseluruhan bahagian keuntungan daripada Harga Jualan Bank yang belum dijelaskan dalam situasi yang berikut:
- 5.7.5 selepas penyelesaian awal Harga Jualan Bank oleh Ahli Kad sekiranya kemudahan Kad Kredit-i ditamatkan dan dibatalkan;
- 5.7.6 pada margin keuntungannya daripada jumlah yang tidak digunakan dalam Had Kredit;
- 5.7.7 jika terdapat perbezaan antara jumlah Kadar Keuntungan Siling (CPR) dengan jumlah ansuran bulanan atau Kadar Keuntungan Efektif (EPR) yang perlu dibayar pada penghujung tempoh;
- 5.7.8 jika Ahli Kad membayar sepenuhnya semua Baki Belum Jelas bagi bulan-bulan terdahulu sebelum Tarikh Perlu Bayar masing-masing, Ibra' akan diterima pakai kepada Urus niaga Runcit yang dibuat dalam tempoh pengebilan semasa dari tarikh urus niaga dicatatkan sehingga tamat tempoh penangguhan seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 5.4. Jika gagal berbuat demikian, Caj Keuntungan akan terakru dari tarikh urus niaga Runcit dicatat dan tiada Ibra' akan diterima pakai.
- 5.8 Pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:

$$\text{Ibra'} = \text{*Keuntungan tertunda}$$

*Keuntungan tertunda bermaksud jumlah margin keuntungan di bawah Kontrak Jualan *Murabahah* tolak Caj Keuntungan yang terakru kepada Bank berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif sehingga tarikh penyelesaian seperti yang diilustrasikan di bawah.

$$\text{Keuntungan tertunda} = \text{Jumlah Keuntungan Terkontrak} - \text{Caj Keuntungan Terakru}$$

- 5.9 Penyelesaian penuh Harga Jualan Bank yang belum jelas (tertakluk pada Ibra') di bawah Kad Kredit-i tertentu hendaklah dibuat oleh Ahli Kad selepas matang, penamatan Terma dan Syarat ini atau pembatalan Kad Kredit-i atas apa jua sebab.
- 5.10 Selagi terdapat apa-apa amaun belum jelas di bawah Akaun Kad dan/atau kemudahan Kad Kredit-i masih aktif, Bank menerima pembayaran lewat atau pembayaran separa atau pembayaran melalui cek atau kiriman wang yang ditandakan sebagai pembayaran penuh, atau apa-apa pelepasan hak Bank atau kelonggaran yang diberi kepada Ahli Kad tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat ini untuk menuntut amaun yang perlu dibayar, dan Bank menerima apa-apa pembayaran yang disebutkan di atas tidak akan dianggap sebagai keizinan untuk mengubah Terma dan Syarat ini dalam apa jua cara.
- 5.11 Semua pembayaran oleh Ahli Kad kepada Bank tidak akan tertakluk pada apa-apa potongan sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolak

selesai terhadap Saudagar yang Dibenarkan, institusi ahli Visa/Mastercard dan/atau Bank.

- 5.12 Pembayaran oleh Ahli Kad kepada Bank tidak akan dianggap telah dibuat sehingga dana yang berkenaan telah diterima dengai nilai oleh Bank.
- 5.13 Apa-apa pembayaran yang diterima daripada Ahli Kad yang melebihi Bayaran Minimum akan diperuntukkan untuk membayar Baki Belum Jelas yang dikenakan Caj Keuntungan tertinggi terlebih dahulu.
- 5.14 Jika pembayaran yang diterima daripada Ahli Kad adalah sama atau kurang daripada Bayaran Minimum yang dinyatakan dalam Fasal 5.6, Bank tidak boleh memperuntukkan lebih daripada tiga puluh peratus (30%) daripada bayaran yang diterima untuk menyelesaikan bahagian Caj Keuntungan atas baki.

6. PENERIMAAN KAD KREDIT-i

- 6.1 Kad Kredit-i dihadkan untuk penggunaan Ahli Kad yang Kad dikeluarkan kepadanya sahaja dan Ahli Kad itu hendaklah menandatangani Kad Kredit-i dengan serta-merta selepas menerimanya dan beliau hendaklah mengaktifkan penggunaan Kad Kredit-i tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari kelendar selepas Kad Kredit-i dihantar/diterima dengan menentukan PIN beliau sendiri. Tandatangani atau penggunaan Kredit Kad-i hendaklah bermaksud Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Ahli Kad mengaku janji untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana orang lain. Sekiranya PIN didedahkan kepada mana-mana orang lain, Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa entri debit dalam Akaun Kadnya dengan Bank berikutan apa-apa urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN.
- 6.3 Ahli Kad Utama bertanggungjawab untuk kredit yang diberi sama ada kepadanya atau Kad-i Tambahan yang dikeluarkan atas permintaannya, tanpa mengira kredit itu dalam bentuk Pengeluaran Tunai yang dibuat dan/atau pembelian barang dan/atau perkhidmatan menggunakan Kad Kredit-i.
- 6.4 Sekiranya Ahli Kad enggan terikat dengan Terma dan Syarat ini, Ahli Kad hendaklah dengan segera mengembalikan Kad Kredit-i yang dipotong dua kepada Bank atau hendaklah memaklukkannya kepada Bank secara bertulis serta memusnahkan/mengeluarkan cip daripada Kad Kredit-i. Ahli Kad hendaklah dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat ini dan terikat dengannya sekiranya Bank tidak menerima Kad Kredit-i yang dipotong dua atau makluman bertulis seperti yang disebutkan di atas.

7. KEMUDAHAN KAD KREDIT-i

- 7.1 Pada tempoh sahnya dan tertakluk pada Terma dan Syarat Ini, Kad Kredit-i melayakkan Ahli Kad untuk menggunakan kemudahan di bawah Kad Kredit-i dalam Had Kredit yang dikenakan oleh Bank dan tertakluk pada kelulusan Bank.
- 7.2 Kemudahan yang disediakan oleh Bank di bawah Kad Kredit-i hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - 7.2.1 Pembelian barang dan/atau perkhidmatan halal secara kredit daripada mana-mana Saudagar Sah; dan
 - 7.2.2 Pengeluaran Tunai seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 7.3 dan 7.4.
- 7.3 Ahli Kad dibenarkan membuat Pengeluaran Tunai dalam amaun yang boleh didapati di bawah Akaun Kad dan yang diterima oleh Bank, melalui cara yang berikut:
 - 7.3.1 mengemukakan Kad Kredit-i di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana institusi ahli Visa/Mastercard bersama-sama dengan bukti pengenalannya serta menandatangani rekod urus niaga yang perlu; atau
 - 7.3.2 menggunakan Kad Kredit-i di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank lain atau institusi kewangan yang Bank mempunyai pengaturan untuk penggunaan ATM di bank atau institusi kewangan tersebut. Amaun Pengeluaran Tunai tersebut hendaklah tertakluk pada pengesahan oleh Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan lain serta akan dianggap sebagai amaun yang betul bagi pengeluaran yang dilaksanakan; atau
 - 7.3.3 memohon draf permintaan dan/atau cek jurubank bagi memudahkan pembelian Saham Tawaran Awam Permulaan (IPOS).
- 7.4 Amaun setiap Pengeluaran Tunai adalah terhad kepada baki kredit yang ada dalam Akaun Kad dan tertakluk pada yang berikut,

mana-mana yang lebih rendah: -

Bilangan Tahun sebagai Ahli Kad Gold/Classic	% Pendahuluan Tunai yang Dibenarkan daripada Kad Kredit
Hari pertama hingga akhir bulan ke-6	0%
Bulan ke-7 hingga tahun ke-3	50%
Tahun ke-4 dan seterusnya	100%

- 7.5 Kemudahan Pengeluaran Tunai tidak boleh didapati untuk Kad Kredit-i Gold Visa/Mastercard Public Islamic Bank dalam tempoh 6 bulan pertama (180 hari) keahlian kad.
- 7.6 Ahli Kad yang layak untuk Penukaran Baki Automatik akan didaftarkan dalam program ini dan tertakluk pada terma dan syarat tambahan khusus untuk program tersebut.

8. PENGGUNAAN KAD KREDIT- i

- 8.1 Kad tersebut, yang mungkin juga termasuk kad fizikal, digital atau maya, akan membolehkan Ahli Kad melakukan urusan berikut:-
- 8.1.1 Urus niaga berasaskan tandatangan di Saudagar yang Dibenarkan. Ia hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa Urus Niaga Kad dan amaun yang direkod padanya telah dibuat dengan sempurna apabila Bank menerima Resit Urus Niaga atau apa-apa dokumen bertulis yang mengandungi tandatangan Ahli Kad.
- 8.1.2 Urus niaga berdasarkan PIN melalui Saudagar yang Dibenarkan;
- 8.1.3 Urus niaga dalam talian melalui mana-mana komputer atau perisian mudah alih atau aplikasi dalam talian yang sesuai sama ada memerlukan atau tidak memerlukan Kod Ahli Kad dan tertakluk pada yang berikut;
- (a) Sekiranya Kad Kredit-i digunakan untuk membeli barang dan/atau perkhidmatan menggunakan kredit daripada mana-mana Saudagar yang Dibenarkan melalui laman internet atau portal dalam talian (termasuk melalui apa-apa komputer atau peranti mudah alih), Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya bagi keselamatan penggunaan itu pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa memasukkan maklumat Kad Kredit-i dan Kod yang diperlukan (jika ada) melalui internet adalah bukti yang mencukupi bahawa arahan telah diberi bagi penggunaan Kad Kredit-i tersebut.
- (b) Bagi urusan niaga di saudagar 3-D Secure yang mengambil bahagian;
- (i). sekiranya Ahli Kad belum mengaktifkan PB SecureSign atau memohon untuk Token SecureSign, Kata Laluan Satu Kali (OTP) akan dikeluarkan melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) kepada nombor mudah alih Ahli Kad yang berdaftar dengan Bank;
- (ii). sekiranya Ahli Kad telah mengaktifkan PB SecureSign atau memohon untuk Token SecureSign, Ahli Kad boleh menggunakan PB SecureSign atau Token SecureSign itu (mengikut mana-mana yang berkenaan) untuk meluluskan urusan niaga.
- (c) Penggunaan kaedah penentusahan yang disebut di atas adalah bukti yang mencukupi bahawa kebenaran dan pengesahan telah diberikan untuk penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad. Bank tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti atau kebenaran orang yang memasukkan maklumat Kad Kredit-i tersebut. Tertakluk pada Fasal 9.17, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kerana bertindak atas penggunaan Kad Kredit-i itu sama ada orang yang memasukkan maklumat Kad Kredit-i itu dibenarkan untuk berbuat demikian, dan tanpa mengira keadaan ketika urusan niaga dijalankan.
- (d) Bank boleh memilih untuk tidak menjalankan apa-apa urusan niaga yang dibuat melalui internet sekiranya Bank mempunyai alasan untuk meragui kesahihannya atau jika Bank berpendapat adalah tidak sah atau tidak sesuai untuk berbuat demikian.
- 8.1.4 Urus niaga tanpa sentuh dengan melakukan Kad Kredit-i pada pembaca tanpa sentuh, terminal atau terminal tempat jualan (POS) atau memegang Kad Kredit-i menghampiri peranti berkenaan ("Urus niaga Tanpa Sentuh") tertakluk pada had urusan niaga pembelian sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) atau apa-apa ambang lain seperti yang Bank akan tentukan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Kecuali dimaklumkan sebaliknya, urusan niaga tanpa sentuh sedemikian mungkin tidak

memerlukan:

- (a) tandatangan Ahli Kad pada mana-mana slip jualan, terminal atau peranti POS;
- (b) mikrocip yang tertanam di dalam Kad, jika ada, untuk dibaca oleh alat berkenaan;
- (c) PIN untuk membenarkan urus niaga berkenaan.

Ahli Kad mengakui kemudahan menggunakan Kad Kredit-i untuk pembelian yang melibatkan urus niaga tanpa sentuh dan bersetuju untuk menerima risiko yang berkaitan dengannya. Ahli Kad mengaku janji untuk bertanggungjawab atas semua urus niaga yang melibatkan proses urus niaga tanpa sentuh.

- 8.2 Tanpa mengambil kira perkara di atas, Ahli Kad tanpa boleh ditarik balik membenarkan Bank untuk menganggap rekod Bank bagi mana-mana urus niaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Kredit-i termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dilaksanakan melalui Terminal Tempat Jualan, pesanan mel, pesanan telefon, internet dan terminal layan diri sebagai bukti pembelian telah dibuat dengan sempurna oleh Ahli Kad untuk didebitkan kepada Akaun Kad, walaupun urus niaga berkenaan mungkin telah dipalsukan, dibuat dengan penipuan atau tanpa kebenaran, melainkan ia disebabkan oleh kecuaiian atau kesalahan yang disengajakan oleh Bank.
- 8.3 Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai menggunakan Kad Kredit-i di Bank atau institusi ahli Visa/Mastercard, Ahli Kad hendaklah menandatangani Draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Bank atau institusi ahli Visa/Mastercard, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau hendaklah memasukkan No. PINnya. Draf Pendahuluan Tunai sedemikian apabila diterima oleh Bank akan dianggap sebagai telah dibuat dengan sempurna dan dibenarkan dengan sewajarnya oleh Ahli Kad.
- 8.4 Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai melalui ATM, Ahli Kad hendaklah menggunakan PIN untuk mengakses Akaun Kadnya. Apa-apa dokumentasi yang direkodkan yang timbul daripada pengaktifan PIN oleh Ahli Kad untuk tujuan mendapatkan Pengeluaran Tunai daripada ATM hendaklah dianggap oleh Bank sebagai Urus Niaga Kad yang telah dibuat dengan sempurna.
- 8.5 Sebagai balasan kepada Ahli Kad kerana mengikut dan mematuhi Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah membeli/memperoleh daripada Saudagar yang Dibenarkan dan/atau institusi ahli Visa/Mastercard semua Resit Urus Niaga dan Draf Pengeluaran Tunai yang ditanggung oleh Ahli Kad dan mendebit Akaun Kad Ahli Kad dengan sewajarnya.
- 8.6 Tanpa mengambil kira peruntukan yang dinyatakan dalam Fasal 8.3 di atas, tandatangan hendaklah tidak dianggap sebagai syarat terdahulu bagi liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad berkaitan dengan Pengeluaran Tunai atau barang dan perkhidmatan yang dibekalkan.
- 8.7 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua keperluan, arahan, suruhan dan garis panduan tentang penggunaan Kad Kredit-i yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan semua kemudahan dan perkhidmatan kredit yang diberikan seperti yang dimaklumkan kepada Ahli Kad melalui notis dengan cara yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini.
- 8.8 Menurut Fasal 7.3.3 di atas, semua permohonan untuk draf jurubank dan/atau draf permintaan yang diluluskan seperti yang disebutkan di atas hendaklah dikeluarkan oleh Bank atas penerbit saham yang berkenaan. Kelulusan tersebut hendaklah tertakluk pada budi bicara Bank dan dengan syarat ia tidak melebihi Had Kredit yang ditetapkan oleh Bank.
- 8.9 Selepas draf jurubank dan/atau draf permintaan tersebut diluluskan, Caj Keuntungan sebanyak 1.5% setiap bulan akan terakru dari tarikh akaun Ahli Kad didebit sehingga tarikh pembayaran penuh.
- 8.10 Ahli Kad tanpa boleh ditarik balik memberi kebenaran kepada Bank untuk mengkreditkan Akaun Kadnya dengan jumlah amaun keseluruhan draf permintaan dan/atau draf jurubank sekiranya permohonan Ahli Kad untuk IPOS tidak berjaya.
- 8.11 Sekiranya permohonan Ahli Kad untuk IPOS itu berjaya, jumlah amaun draf permintaan dan/atau draf jurubank akan dicaj kepada Akaun Kad dan Ahli Kad akan terikat dengan Terma dan Syarat ini sehingga pembayaran penuh amaun tersebut sekiranya Pengeluaran Tunai dibuat menggunakan Kad Kredit-i, kecuali Ahli Kad tidak akan dicaj fi Pengeluaran Tunai.
- 8.12 Tanpa prejudis terhadap apa-apa peruntukan yang terkandung dalam perjanjian ini, dengan ini adalah dipersetujui dan tanpa boleh ditarik balik oleh Ahli Kad bahawa Ahli Kad hendaklah tidak menggunakan Kad untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada perjudian internet. Bank berhak untuk menolak penggunaan Kad Kredit-i bagi melaksanakan apa-apa urus niaga yang Bank anggap menyalahi undang-undang dan/atau dengan serta-merta menamatkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad.

- 8.13 Penggunaan Kad Kredit-i hendaklah terhad kepada aktiviti dan pembelian yang mematuhi undang-undang Syariah. Bank menguatkuasakan perkara ini dengan mengehendkan urus niaga melalui Kod Kategori Saudagar (MCC) yang disenaraikan di bawah dan apa-apa urus niaga yang menggunakan MCC yang tersenarai akan disekat. Bank berhak untuk menambah mana-mana kod pedagang lain dengan menyiarkan senarainya melalui laman web Bank atau mengambil apa-apa langkah lain yang Bank anggap perlu:
1. MCC5813 Bar, Ruang Rehat Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman (Minuman Beralkohol)
 2. MCC5921 Kedai Pakej, Bir
 3. MCC7273 Perkhidmatan Teman Sosial dan Pengiring
 4. MCC7995 Urus niaga Perjudian
 5. MCC9754 Perjudian-Perlumbaan Kuda
 6. MCC7800 Loteri Dalam Talian yang Dikawal Kerajaan
 7. MCC7801 Kasino Berlesen Kerajaan
 8. MCC7802 (Perlumbaan Kuda/Anjing) Berlesen Kerajaan

9. PEMILIKAN KAD KREDIT-i

- 9.1 Kad Kredit-i hendaklah menjadi hak milik Bank pada setiap masa.
- 9.2 Kad Kredit-i hanya boleh digunakan secara eksklusif oleh Ahli Kad sahaja. Ahli Kad tidak boleh memindahkan atau sebaliknya melepaskan kawalan atau pemilikan Kad bagi apa-apa penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 9.3 Kad ini juga tidak boleh dicagar oleh Ahli Kad sebagai cagaran untuk apa-apa tujuan sekalipun.
- 9.4 Ahli Kad hendaklah mengamalkan semua langkah berjaga-jaga untuk menghalang kehilangan atau kecurian Kad Kredit-i. Sekiranya Kad Kredit-i hilang dan/atau dicuri dan/atau berlaku pendedahan nombor PIN kepada pihak yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta, sebaik sahaja menyedari kejadian itu, memaklumkan kepada Bank (sekiranya kejadian itu berlaku di Malaysia) atau mana-mana institusi ahli Visa/Mastercard (sekiranya kejadian itu berlaku di luar negeri) melalui telefon, faksimili atau e-mel. Ahli Kad juga secepat yang mungkin hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis berserta laporan polis tetapi apapun yang berlaku tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari tarikh kejadian.
- 9.5 Ahli Kad mengizinkan bahawa Bank boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi untuk) merakam arahan telefon seperti yang dinyatakan di atas secara bertulis dan/atau melalui pita rakaman dan/atau mana-mana kaedah lain dan rekod sedemikian daripada apa-apa arahan adalah muktamad dan mengikat ke atas Ahli Kad. Ahli Kad secara nyata bersetuju bahawa arahan telefon mungkin direkodkan dan mengakui bahawa apa-apa dan/atau semua rekod yang dikekalkan oleh Bank adalah konklusif dan mengikat untuk semua tujuan.
- 9.6 Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa selepas menjalankan proses pengesahan yang mencukupi seperti yang ditentukan oleh Bank untuk mengesahkan identiti atau kuasa mana-mana orang yang memberi arahan telefon, Bank berhak untuk bertindak atas arahan tersebut dan tidak akan dipertanggungjawabkan kerana bertindak dengan niat baik berdasarkan arahan telefon yang diberikan atau dikatakan diberikan oleh Ahli Kad tanpa mengira keadaan semasa arahan tersebut diberikan.
- 9.7 Sebagai balasan kepada Bank bersetuju untuk bertindak atas arahan telefon yang diberikan atau dikatakan diberikan oleh Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa terhadap semua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan) walau apa pun (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi guaman dan perbelanjaan) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank disebabkan oleh Bank bertindak atas arahan telefon yang diberikan atau dikatakan diberikan oleh Ahli Kad, melainkan ia disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh Bank.
- 9.8 Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian seperti dalam Fasal 9.4 di atas dan selepas kehilangan atau kecurian, Kad Kredit-i tersebut digunakan oleh pihak yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank untuk:-
- 9.8.1 semua caj tanpa kebenaran termasuk Caj Keuntungan dan *Ta'widh* (pampasan) yang ditanggung untuk apa-apa barang yang dibeli daripada dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pedagang Sah, dan/atau
 - 9.8.2 Pengeluaran Tunai yang tidak dilakukan melalui ATM menggunakan Kad Kredit-i
- sehinggalah tarikh Bank menerima makluman daripada Ahli Kad secara bertulis atau lisan selaras dengan keperluan di bawah Fasal 9.4 di atas.

- 9.9 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab atas semua caj yang dibuat menggunakan Kad Kredit-i yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad Kredit-i tanpa sentuh jika Ahli Kad telah: -
- 9.9.1 bertindak secara penipuan;
 - 9.9.2 lewat memaklumkan kepada Bank secepat yang munasabah selepas mendapati kehilangan/kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit-i;
 - 9.9.3 secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
 - 9.9.4 mencatat PIN pada Kad Kredit-i atau pada apa-apa barang yang diletakkan berhampiran Kad Kredit-i dan berkemungkinan hilang atau dicuri bersama Kad Kredit-i;
 - 9.9.5 meninggalkan Kad Kredit-i atau barang yang mengandungi Kad Kredit-i tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Ahli Kad. Walau bagaimanapun, Ahli Kad hendaklah mengambil langkah berhati-hati bagi melindungi Kad Kredit-i walaupun di tempat kediaman Ahli Kad sendiri; atau
 - 9.9.6 secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit-i.
- 9.10 Jika penyiasatan mendedahkan bahawa Ahli Kad terlibat dalam melakukan apa-apa caj yang tidak dibenarkan, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab atas semua caj yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada Caj Keuntungan dan *Ta'widh* (pampasan), sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan bertulis sedemikian di bawah Fasal 9.4.
- 9.11 Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan Kad Kredit-i tidak melebihi Had Kredit seperti yang ditetapkan oleh Bank.
- 9.12 Semua tuntutan berkenaan kad yang hilang atau dicuri atau urus niaga yang dipertikaikan yang dibuat menggunakan Kad Kredit-i akan disiasat oleh Bank setelah menerima semua maklumat yang berkenaan dan menurut Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan prosedur penyiasatan dalaman Bank. Sekiranya Bank mendapati bahawa terdapat apa-apa percubaan untuk membuat tuntutan palsu atas urus niaga yang dipertikaikan, Bank berhak untuk membuat laporan polis berhubung tuntutan palsu yang dibuat dan/atau menamatkan penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad, mengikut mana-mana yang berkenaan, serta mempertanggungjawabkan Ahli Kad atas amaun urus niaga yang dipertikaikan tersebut serta semua kos serta perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.
- 9.13 Bank boleh, atas permintaan Ahli Kad, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk menggantikan Kad Kredit-i yang hilang atau dicuri. Walau bagaimanapun, Kad Kredit-i tidak akan diganti sekiranya kehilangan atau kecurian Kad Kredit-i dilaporkan untuk kali keempat atau seterusnya. Kad Kredit-i gantian tersebut hendaklah tertakluk pada Terma dan Syarat ini sama seperti Kad Kredit-i asal.
- 9.14 Apabila Kad Kredit-i yang hilang atau dicuri dijumpai semula, Ahli Kad tidak boleh menggunakannya dan hendaklah memulangkan Kad Kredit-i tersebut kepada Bank dalam keadaan telah dipotong dua atau dengan mengeluarkan/memusnahkan cip Kad Kredit-i tersebut dengan serta-merta selepas menjumpai semula Kad Kredit-i itu. Bank tidak mempunyai obligasi untuk mengeluarkan Kad Kredit-i gantian kepada Ahli Kad berikutan kehilangan atau kecuriannya.
- 9.15 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad Kredit-i yang telah dipotong dua atau dengan mengeluarkan/memusnahkan cip Kad Kredit-i itu dengan segera kepada Bank
- 9.15.1 apabila Kad Kredit-i tamat tempoh; atau
 - 9.15.2 apabila Kad Kredit-i dibatalkan oleh Ahli Kad; atau
 - 9.15.3 atas permintaan Bank apabila ia dibatalkan, ditarik balik atau digantung oleh Bank; atau
 - 9.15.4 apabila Kad Kredit-i dijumpai semula selepas memaklumkan tentang kehilangan atau kecuriannya. Ahli Kad tidak lagi berhak untuk menggunakan Kad Kredit-i yang dijumpai semula itu.
- 9.16 Sekiranya Kad Kredit-i dibatalkan dan Akaun Kad ditutup oleh Ahli Kad, Bank hendaklah memulangkan balik baki kredit dalam Akaun Kad, jika ada, selepas menolak semua pembayaran yang masih terhutang oleh Ahli Kad dalam Akaun Kad tersebut.
- 9.17 Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan atas urus niaga tanpa kebenaran yang dilakukan secara fizikal yang memerlukan pengesahan PIN jika Ahli Kad telah:
- 9.17.1 bertindak secara penipuan;
 - 9.17.2 lewat memaklumkan kepada pengeluar dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit-i;
 - 9.17.3 secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
 - 9.17.4 mencatat PIN pada Kad Kredit-i atau pada apa-apa barang

yang disimpan berhampiran dengan Kad Kredit-i.

10. KAD TAMBAHAN- i

- 10.1 Atas permintaan Ahli Kad Utama, Bank boleh mengikut budi bicaranya, mengeluarkan Kad Tambahan-i kepada orang yang dinamakan oleh Ahli Kad Utama. Semua terma dan syarat yang diterima pakai kepada Ahli Kad hendaklah diguna pakai *mutatis mutandis* (iaitu dengan perubahan-perubahan yang perlu) kepada Ahli Kad Tambahan dan untuk tujuan demikian ungkapan "Ahli Kad" dan "Kad Kredit-i" hendaklah dibaca dan ditafsir seolah-olah ungkapan "Ahli Kad Tambahan" dan "Kad Tambahan" digantikan padanya melainkan dikecualikan secara nyata atau tidak konsisten dengan konteks.
- 10.2 Ahli Kad Utama hendaklah dipertanggungjawabkan atas semua liabiliti, obligasi dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad Utama dan mana-mana Ahli Kad Tambahan. Selain itu, Ahli Kad Utama hendaklah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa Ahli Kad Tambahannya mematuhi semua terma, syarat dan obligasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 10.3 Ahli Kad Utama boleh membatalkan Kad Tambahan-i yang dikeluarkan dengan memberikan notis bertulis kepada Bank dan memulangkan Kad Tambahan-i selepas memotong jalur magnetik dan cip.
- 10.4 Kesahan Kad Tambahan-i adalah bergantung pada kesahan Kad Kredit-i. Jika penggunaan Kad Kredit-i ditamatkan atau jika Terma dan Syarat ini dan/atau mana-mana dokumen lain yang menjamin kemudahan Kad Kredit-i ditamatkan atas apa jua sebab, Kad Tambahan-i juga akan ditamatkan. Bagi mengelakkan keraguan, penamatan penggunaan Kad Tambahan-i tidak akan menamatkan penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad Utama.

11. URUS NIAGA LUAR NEGERI/MATA WANG ASING

- 11.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad Kredit-i di luar Malaysia di Saudagar Sah, outlet tunai yang dibenarkan dan institusi ahli Visa/Mastercard. Namun, Ahli Kad mesti memaklumkan kepada Bank setiap kali Ahli Kad melancong atau merancang untuk melancong ke luar Malaysia. Selain itu, Ahli Kad boleh mengeluarkan wang tunai menggunakan Kad Kredit-i di mana-mana ATM Bank yang ditetapkan dan ATM bank ahli lain yang mengambil bahagian.
- 11.2 Apabila Ahli Kad menggunakan Kad Kredit-i di luar Malaysia, urus niaga akan dicaj dalam mata wang tempatan negara masing-masing dan ditukar kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Mastercard, Visa, atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank adalah ahlinya tambah spread pertukaran asing sebanyak satu perpuuhan dua lima peratus (1.25%). Jika berkenaan, Ahli Kad membenarkan Bank untuk mengambil tindakan yang perlu untuk mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing yang berkenaan, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan apa-apa urus niaga di luar negeri.
- 11.3 Dengan menggunakan Kad Kredit-i, Ahli Kad bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan memahami tanggungjawabnya semasa menjalankan urus niaga di dalam dan luar negeri.

12. AKAUN KAD

- 12.1 Penyata bulanan yang memperincikan urus niaga pada Akaun Kad akan dihantar kepada Ahli Kad melalui e-mel atau cara lain. Penyata bulanan merangkumi amaun keseluruhan pembelian barang dan perkhidmatan, Pengeluaran Tunai, apa-apa fi atau caj yang dikenakan dan apa-apa pembayaran atau kredit yang direkodkan oleh Bank (seperti Caj Keuntungan dan *Ta'widh* (pampasan) yang dikenakan, jika ada). Ahli Kad hendaklah menyemak penyata bulanan untuk memastikan bahawa urus niaga yang dicatatkan adalah betul dan sekiranya terdapat apa-apa urus niaga yang tidak diketahui, Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah.
- 12.2 Semua rekod dan entri dalam Akaun Kad seperti yang ditunjukkan pada penyata bulanan, hendaklah betul dan mengikat Ahli Kad melainkan Ahli Kad memberikan notis bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh tutup tempoh pengebilan seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan.

- 12.3 Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan lain, Bank berhak untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang perlu kepada mana-mana penyerta bulanan untuk membetulkan kesilapan atau ketertinggalan. Sekiranya pelarasan dan/atau pembetulan tersebut menyebabkan apa-apa lebih kepada Had Kredit, peruntukan di bawah Fasal 13.3 akan diterima pakai. Pelaksanaan Fasal ini tidak akan dalam apa jua cara menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Fasal 5 dan 14 dengan syarat bahawa apa-apa wang yang terhutang kepada atau daripada Ahli Kad hendaklah dikreditkan atau didebitkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Akaun Kad.

13. HAD KREDIT

- 13.1 Bank hendaklah mengikut budi bicaranya menentukan Had Kredit Ahli Kad dengan Bank. Apa-apa perubahan Had Kredit akan dimaklumkan oleh Bank kepada Ahli Kad.
- 13.2 Sekiranya Ahli Kad menyenggara dua atau lebih Kad Kredit-i dengan Bank, Ahli Kad hendaklah memilih had kredit yang digabungkan atau berasingan. Ini hendaklah mewakili jumlah Had Kredit yang diberikan untuk menampung penggunaan daripada semua Kad Kredit-i yang dipegang oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan, jika ada.
- 13.3 Ahli Kad berwaad bahawa beliau tidak akan menggunakan lebih daripada Had Kreditnya tanpa kelulusan bertulis daripada Bank dan hendaklah membayar apa-apa lebih daripadanya atau membayar balik kepada Bank sebelum Tarikh Perlu Bayar Penyata bulanan dan/atau tarikh yang dinyatakan dalam notis lain oleh Bank yang menunjukkan lebih menurut menurut Fasal 12.3. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar lebih seperti yang dinyatakan kepada Bank apabila diminta, keseluruhan amaun baki belum jelas di bawah Akaun Kad hendaklah menjadi serta-merta kena dan perlu dibayar dan peruntukan dalam Fasal 17.4 hendaklah diterima pakai.

14. FI DAN CAJ

- 14.1 Ahli Kad bersetuju untuk membayar apa-apa fi dan caj yang dikenakan berkaitan dengan pengeluaran dan penggunaan Kad Kredit-i (termasuk Caj Keuntungan dan *Ta'widh* (pampasan) yang terakru), seperti yang dinyatakan dalam jadual caj Bank dan Terma dan Syarat ini. Ahli Kad boleh merujuk laman web Bank untuk melihat fi dan caj yang dikenakan oleh Bank untuk Kad Kredit-i.
- 14.2 Ahli Kad bersetuju untuk membayar apa-apa fi dan caj lain yang munasabah (termasuk *Wakalah* dan/atau fi pembrokeran) yang dikenakan oleh Bank untuk perkhidmatan yang diberikan kepada Ahli Kad. Bank berhak mendebit mana-mana akaun Ahli Kad yang disenggara dengan Bank untuk menyelesaikan fi dan caj tersebut.
- 14.3 Tanpa mengambil kira peruntukan di atas dan tertakluk pada kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan serta undang-undang dan prinsip Syariah, Bank mengikut budi bicaranya boleh mengubah kadar fi dan caj tersebut dengan mengeluarkan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar, secara bertulis atau melalui saluran elektronik, kepada Ahli Kad sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan perubahan tersebut.

15. TA'WIDH (PAMPASAN)

- 15.1 Sekiranya Ahli Kad gagal membuat Bayaran Minimum pada Tarikh Perlu Bayar, Akaun Kad boleh didebitkan dengan pampasan melalui *Ta'widh* (pampasan) yang dikira berdasarkan kos sebenar sehingga kadar satu peratus (1%) setahun:
- atas jumlah baki belum jelas daripada Urus niaga Runcit dan Pengeluaran Tunai; dan
 - atas Ansuran Bulanan yang lampau tempoh (jika ada), (tertakluk pada minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dan maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00)) atau pada apa-apa kadar yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- 15.2 Pengiraan *Ta'widh* (pampasan) adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki belum jelas} \times 1\% \times \frac{\text{Bil. Hari lampau tempoh}}{365}$$

- 15.3 *Ta'widh* (pampasan) hendaklah dibayar sebelum dan juga selepas apa-apa perintah mahkamah atau selepas penamatan penggunaan Kad Kredit-i selagi terdapat apa-apa amaun belum jelas di bawah kemudahan Kad Kredit-i.
- 15.4 Bank boleh memberikan Ahli Kad tempoh penangguhan selama empat (4) hari kalendar jika tarikh pembayaran perlu dibayar jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

16. INDEMNITI

- 16.1 Se jauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Bank, Ahli Kad bersetuju untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa terhadap semua liabiliti, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar hubungan antara peguam cara dengan anak guam), ganti rugi, perbelanjaan, penalti, tindakan, penghakiman, tuntutan, permintaan atau pembayaran apa jua pun (secara kolektif, "Kerugian") yang mungkin dikenakan ke atas, ditanggung oleh atau dituntut daripada Bank dalam apa jua cara berkaitan dengan atau berikutan daripada:-
- 16.1.1 tindakan secara penipuan;
- 16.1.2 lewat memaklumkan kepada pengeluar dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit-i.

17. PENARIKAN, PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN ATAU PENAMATAN KAD

- 17.1 Ahli Kad hendaklah mengaktifkan Kad Kredit-i tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari kalendar selepas penerimaan atau penghantarannya, jika gagal berbuat demikian, Bank berhak untuk menamatkan kemudahan Kad Kredit-i yang diluluskan kepada Ahli Kad. Ahli Kad mengaku janji untuk menyerahkan Kad Kredit-i yang dipotong dua dan memusnahkan/mengeluarkan cip dalam Kad Kredit-i selepas penamatan tersebut.
- 17.2 Kad Kredit-i hendaklah diserahkan kepada Bank dengan segera atas permintaan Bank atau ejennya yang dibenarkan. Selepas tempoh matang Kad Kredit-i dan jika Bank tidak menerima permintaan daripada Ahli Kad untuk menamatkan kad tersebut, Bank boleh memperbaharui kemudahan Kredit Kad-i untuk tempoh baharu dan berdasarkan terma dan syarat serupa yang berkuat kuasa pada masa itu.
- 17.3 Bank boleh menarik balik, menggantung, membatalkan dan/atau menamatkan Kad Kredit-i dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
- 17.4 Sebagai tambahan kepada hak Bank di atas, Bank boleh menarik balik, menggantung, membatalkan dan/atau menamatkan Kad Kredit-i dan/atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberi notis terlebih dahulu seperti yang ditetapkan dalam Fasal 17.3, tanpa mengambill kira bahawa Bank mungkin telah mengecualikan haknya dalam beberapa kejadian terdahulu, apabila berlaku mana-mana satu atau lebih peristiwa yang berikut: -
- 17.4.1 jika Ahli Kad, selama dua (2) bulan berturut-turut, gagal atau mungkir membuat pembayaran apa jua jumlah wang dan bagaimana sekalipun yang perlu dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada Amaun Minimum yang perlu dibayar, amaun yang melebihi had yang ditetapkan jika diminta, Caj Keuntungan, Ta'widh (pampasan) dan apa-apa fi, wang dan caj lain Terma dan Syarat ini;
- 17.4.2 jika Ahli Kad melakukan atau mengancam untuk melakukan kemungkiran atau pelanggaran mana-mana perjanjian, waad, ketetapan, terma atau syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini;
- 17.4.3 jika petisyen untuk kebangkrapan dikemukakan atau perintah dibuat untuk apa-apa perintah adjudikasi dan/atau perintah penerimaan terhadap Ahli Kad;
- 17.4.4 jika Ahli Kad memberikan maklumat atau data palsu atau tidak tepat kepada Bank;
- 17.4.5 jika Ahli Kad menjadi tidak waras atau meninggal dunia;
- 17.4.6 jika keberadaan Ahli Kad tidak diketahui oleh Bank;
- 17.4.7 jika Bank berpendapat bahawa urusan niaga yang mencurigakan atau luar daripada kebiasaan dijalankan menggunakan Kad Kredit-i;
- 17.4.8 jika Ahli Kad didapati telah melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad;
- 17.4.9 jika Ahli Kad gagal untuk membayar apa-apa jumlah wang yang kena dan perlu dibayar oleh Ahli Kad di bawah dan berkaitan dengan mana-mana pembiayaan atau akaun atau kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad oleh Bank atau mana-mana subsidiari dan/atau syarikat berkaitan Bank termasuk Public Bank Berhad dan Public Investment Bank Berhad selepas jumlah wang itu menjadi perlu dibayar sama ada pernah dituntut atau tidak;
- 17.4.10 jika terdapat apa-apa penyiasatan oleh pihak polis atau pengawal selia yang belum selesai, sedang dijalankan

- atau diancam terhadap Ahli Kad;
- 17.4.11 jika terdapat apa-apa laporan dibuat terhadap Ahli Kad di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001;
- 17.4.12 apa-apa penyiasatan akan atau sedang dijalankan oleh Bank ke atas Ahli Kad, akaunnya dan/atau apa-apa urusan niaga yang berkaitan dengan akaunnya;
- 17.4.13 jika Ahli Kad membiarkan apa-apa penghakiman terhadapnya tidak diselesaikan selama lebih daripada tiga puluh (30) hari kalendar;
- 17.4.14 jika Ahli Kad menggunakan lebih daripada Had Kredit yang diberikan oleh Bank;
- 17.4.15 penahanan pelaksanaan distres atau prosiding undang-undang yang lain telah dikenakan, dikuatkuasakan atau dikeluarkan terhadap harta Ahli Kad dan tidak dilepaskan atau tertahan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar; atau
- 17.4.16 jika Bank memutuskan bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah atau telah menjadi tidak kukuh dan/atau apa-apa peristiwa telah berlaku atau suatu situasi timbul yang boleh atau mungkin menjejaskan keupayaannya untuk memenuhi terma dalam Terma dan Syarat ini atau kedudukan kewangannya telah menjadi lemah.

maka, Bank boleh, tanpa memprejudiskan mana-mana hak Bank yang lain (sama ada yang timbul di bawah terma dan syarat ini, apa-apa kontrak antara Pihak-pihak, undang-undang am atau sebaliknya), meminta penyelesaian dcepatkan oleh Ahli Kad bagi semua Harga Jualan Bank yang belum dijelaskan di bawah Kad Kredit-i dan meneruskan untuk menuntut amaun tersebut dan apa-apa Keberhutangan lain daripada Ahli Kad.

- 17.5 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh menamatkan kemudahan Kad Kredit-i dengan mengeluarkan notis bertulis kepada Ahli Kad jika Bank mempunyai sebab untuk mempercayai atau mendapati bahawa Ahli Kad telah menggunakan Kad Kredit-i untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau urusan niaga yang tidak mematuhi Syariah. Selepas penamatannya, Bank akan membatalkan Kad Kredit-i tanpa mengira sama ada Kad Kredit-i itu dipulangkan atau tidak oleh Ahli Kad kepada Bank.
- 17.6 Selepas penamatan Terma dan Syarat ini atas apa jua sebab, Bank mahupun Ahli Kad tidak lagi mempunyai apa-apa hak, obligasi dan liabiliti di bawah Terma dan Syarat ini, melainkan untuk apa-apa kemungkiran terdahulu (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa Keberhutangan dan semua wang yang menjadi kena dan perlu dibayar kepada Bank berdasarkan dan menurut syarat-syarat ini).
- 17.7 Selepas penamatan Terma dan Syarat ini dan/atau pembatalan Kad Kredit-i atau selepas penarikan balik, penggantungan atau sekatan ke atas hak Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan untuk menggunakan Kad Kredit-i atas apa jua sebab, semua manfaat dan keistimewaan yang dinikmati atau tersedia kepada Ahli Kad hendaklah dibatalkan, ditarik balik atau digantung serta-merta dan semua wang terhutang kepada Bank oleh Ahli Kad di bawah Akaun Kadnya serta-merta menjadi kena dan perlu dibayar dan Ahli Kad hendaklah, apabila diminta oleh Bank, membuat penyelesaian penuh Akaun Kad tersebut.
- 17.8 Ahli Kad mengakui bahawa sekiranya Kad Kredit-i dibatalkan atau ditarik balik, butiran Kad Kredit-i boleh diletakkan pada senarai pembatalan yang mungkin diedarkan kepada semua Saudagar yang Dibenarkan dan/atau ahli Visa/Mastercard yang dibenarkan serta semua cawangan Bank.
- 17.9 Tanpa mengambil kira peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, Ahli Kad bersetuju bahawa beliau akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos dan kos guaman undang-undang atau sebaliknya termasuk kos atas dasar hubungan antara peguam cara dan anak guam, fi dan caj, kos penghantaran atau kurier, dan apa-apa perbelanjaan atau caj lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan atau cuba mendapatkan pembayaran di bawah Fasal 5 dan 14 di atas dan dalam menguatkuasakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini terhadap Ahli Kad dan Ahli Kad bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Kadnya untuk kos, perbelanjaan dan/atau caj sedemikian.

18. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI DAN PENYATUAN

- 18.1 Tanpa prejudis kepada apa-apa remedi lain yang mungkin ada pada Bank, Bank boleh, mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa: -
- 18.1.1 dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad termasuk akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain (dalam apa jua bentuk sekalipun) di mana-mana sahaja berada dengan apa-apa liabiliti Ahli Kad di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB; dan
 - 18.1.2 dengan memberi notis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli Kad (atau tempoh lain seperti yang diperlukan di bawah mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, mana-mana yang lebih awal), menolak selesai atau memindahkan: -
 - i) apa-apa jumlah berbaki kredit dalam mana-mana akaun Ahli Kad;
 - ii) apa-apa jumlah yang perlu dibayar, terhutang dan/atau kena bayar kepada Ahli Kad di bawah apa-apa perjanjian atau kontrak dengan Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;
 - iii) apa-apa lebihan atau prosid yang diterima daripada mana-mana aset Ahli Kad atau sekuriti lain yang dipegang oleh Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan PBB,ke arah memenuhi mana-mana liabiliti Ahli Kad dengan Bank dan mana-mana ahli Kumpulan PBB.
- 18.2 Jika mana-mana gabungan, penyatuan, tolak selesai atau lien jurubank atau tuntutan balas atau pindahan memerlukan pertukaran satu mata wang kepada mata wang lain, pertukaran tersebut hendaklah dikira pada kadar pertukaran semasa Bank.
- 18.3 Selepas pengeluaran notis yang dinyatakan di atas, Ahli Kad bersetuju bahawa Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan mempunyai hak untuk menguntukkan atau memegang apa-apa wang yang berbaki kredit dalam semua atau mana-mana akaun Ahli Kad yang dipegang dengan Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan sebelum menolak selesai. Ahli Kad tidak berhak untuk mengeluarkan wang tanpa kebenaran bertulis daripada Bank dan ahli Kumpulan PBB yang berkenaan.

19. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA

- 19.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsir mengikut undang-undang yang diterima pakai di Malaysia. Ini termasuk bukan sahaja perundangan negara tetapi juga peraturan, pengawalan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkenaan, yang kesemuanya boleh dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa apa-apa perubahan dalam undang-undang dan peraturan ini boleh memberi kesan kepada tafsiran dan penguatkuasaan Terma dan Syarat ini.

20. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 ("AMLATFPUAA")

- 20.1 Ahli Kad bersetuju dan mengesahkan bahawa Ahli Kad hendaklah pada setiap masa mematuhi AMLATFPUAA berkaitan dengan semua urusan niaga yang dibuat dengan Akaun Kad yang dibuka di bawah Terma dan Syarat ini atau perkara yang timbul daripadanya sama ada secara langsung atau tidak langsung yang mana:
- 20.1.1 Bank berhak untuk menyimpan semua rekod urusan niaga Ahli Kad dan selanjutnya mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Ahli Kad sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana arahan kerajaan atau pengawalseliaan bagi tujuan pematuhan AMLATFPUAA.
 - 20.1.2 Ahli Kad mengaku janji untuk memberi kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkaitan apabila diminta untuk tujuan pengenalpastian Ahli Kad dan pengesahan sumber dana di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda".
 - 20.1.3 Ahli Kad mengesahkan bahawa semua wang yang dibayar/didepositkan ke dalam Akaun Kad diperoleh dan akan sentiasa diperoleh daripada sumber yang sah serta bukan daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

21. ANTIRASUAH DAN ANTISOGOKAN

- 21.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan ("Dasar ABAC") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 21.2 Ahli Kad hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan rasuah atau sogokan yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 21.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan kepada Ahli Kad dengan serta-merta sekiranya Ahli Kad didapati melanggar Dasar ABAC atau didapati terlibat dalam apa-apa tindakan rasuah dan amalan sogokan.

22. KEBOLEHASINGAN DAN KETIDAKSAHAN

- 22.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, tidak mematuhi Syariah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, peruntukan yang selebihnya hendaklah kekal sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak akan menjejaskan kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.

23. PENGGANTI

- 23.1 Terma dan Syarat ini mengikat atas harta pusaka, waris, wakil peribadi dan pengganti Ahli Kad, serta pengganti dan penerima serah hak Bank.

24. PENYERAHAN HAK

- 24.1 Ahli Kad tidak boleh menyerahkan dan/atau memindahkan mana-mana hak dan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini.
- 24.2 Bank boleh menyerahkan semua atau mana-mana hak, kepentingan dan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini kepada orang atau perbadanan yang Bank anggap sesuai. Selepas penyerahan hak tersebut, penerima serah hak akan mengambil alih dan berhak ke atas hak, kepentingan dan obligasi yang terkandung dalam penyerahan hak seolah-olah penerima serah hak telah menjadi satu pihak dalam Terma dan Syarat ini menggantikan Bank dan penyerahan hak tersebut adalah muktamad dan mengikat untuk semua tujuan terhadap Ahli Kad.
- 24.3 Bank juga berhak untuk menyerahkan dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau obligasi Bank di bawah Terma dan Syarat ini untuk tujuan penyumberan luar yang sama kepada agensi kutipan hutang dan/atau menjual mana-mana Akaun Kad culas yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan terjejas kepada pihak ketiga pada bila-bila masa. Bank akan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalendar sebelum penyerahan hak tersebut kepada agensi kutipan hutang pihak ketiga, dan sekiranya berlaku penjualan kepada pihak ketiga, Bank akan memaklumkan kepada Ahli Kad dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas mendapatkan perintah peletakan hak untuk pindahan sedemikian.

25. PERUBAHAN PERLEMBAGAAN

- 25.1 Liabiliti dan/atau kewajipan Ahli Kad di bawah Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira:-
 - 25.1.1 apa-apa perubahan disebabkan oleh kebangkrapan, kematian Ahli Kad atau sebaliknya;
 - 25.1.2 apa-apa perubahan melalui penggabungan, penyatuan, pembinaan semula, penggulungan, pembubaran atau sebaliknya yang mungkin dibuat dalam perlembagaan Bank atau mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan Bank dan hendaklah tersedia kepada syarikat yang menjalankan perniagaan itu buat masa ini.

26. REMEDI TERKUMPUL

- 26.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini adalah terkumpul dan tidak eksklusif bagi apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain antara pihak-pihak atau sebaliknya.

27. PINDAAN

- 27.1 Bank berhak untuk meminda, mengubah suai, menambah atau mengubah fi yang diterima pakai, Kadar Keuntungan Efektif, atau mana-mana terma dalam Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan kadar atau terma dan syarat yang disemak semula itu. Pindaan, pengubahsuaian, penambahan atau perubahan tersebut hendaklah dimaklumkan oleh Bank kepada anda secara bertulis atau melalui saluran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui penyata bulanan yang dihantar kepada anda atau melalui cara lain seperti yang ditetapkan dalam Fasal 38.
- 27.2 Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan pindaan, pengubahsuaian, penambahan atau perubahan tersebut, Ahli Kad hendaklah:-
- 27.2.1 menyerahkan Kad Kredit-i kepada Bank dan memotongnya kepada dua;-
- 27.2.2 memaklumkan Bank secara bertulis tentang hasratnya untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan Kad Kredit-i dan selepas itu, memusnahkan dan/atau mengeluarkan cip dalam Kad Kredit-i .
- 27.3 Jika Bank tidak menerima Kad Kredit-i yang dipotong dua atau pemberitahuan bertulis seperti yang dinyatakan dalam Fasal ini, Ahli Kad dianggap telah menerima pindaan, pengubahsuaian, penambahan atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini dan hendaklah terikat dengannya.

28. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)

- 28.1 Tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, fi dan caj yang perlu dibayar oleh Ahli Kad di bawah Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada cukai (jika berkenaan) dan Ahli Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas semua cukai jualan dan perkhidmatan dan semua cukai lain sama ada sedang berkuat kuasa atau mungkin dilaksanakan pada masa hadapan yang perlu dibayar berkaitan dengan atau timbul daripada Terma dan Syarat ini, Kad Akaun atau apa-apa perkhidmatan berkaitan dengannya. Ahli Kad bersetuju bahawa cukai sedemikian hendaklah didebitkan dalam Akaun Kad dan perlu dibayar oleh Ahli Kad.

29. PEMATUHAN SYARIAH

- 29.1 Adalah dipersetujui bahawa:
- 27.2.3 Ahli Kad bersetuju, mengesahkan dan mengakui bahawa Terma dan Syarat ini dan apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya adalah tertakluk pada dan mematuhi prinsip Syariah, seperti yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("MPS") dan/atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- 27.2.4 Sekiranya dalam mana-mana prosiding berkaitan dengan Terma dan Syarat ini dan apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara, timbulnya apa-apa persoalan mengenai isu Syariah, mahkamah atau penimbang tara, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah:
- i) mengambil kira apa-apa peraturan MPS yang diterbitkan; atau
 - ii) merujuk soalan tersebut kepada MPS untuk penentuannya.
- 29.2 Apa-apa keputusan yang dibuat oleh MPS adalah muktamad dan mengikat antara pihak-pihak.
- 29.3 Ahli Kad bersetuju, mengesahkan dan mengakui bahawa beliau tidak akan mengeluarkan tindakan atau mencabar Bank atau membangkitkan apa-apa bantahan atau protes atau dalam apa jua cara pertikaian dan untuk mendapatkan atau memperoleh apa-apa remedi atau pelepasan atas dasar ketidakpatuhan prinsip Syariah berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya.
- 29.4 Ahli Kad telah menerima notis, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling yang dikeluarkan menurut APKI. Jika dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa sebelum atau semasa pelaksanaan berterusan Terma dan Syarat ini dan apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya, didapati atau disedari oleh pihak-pihak bahawa mana-mana bahagian atau peruntukan atau dalam mana-mana aspek kemudahan Kad Kredit-i, berkemungkinan dalam apa jua cara boleh

mengakibatkan pelanggaran terhadap prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling dan atau penggunaan berterusan Kad Kredit-i akan mengakibatkan pelanggaran yang sama, pihak-pihak bersetuju bahawa peruntukan dan/atau terma dan/atau syarat yang berkenaan dalam Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap akan dipinda atau diubah dalam cara dan sejauh mana yang perlu untuk mematuhi prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling Syariah. Bank berhak untuk melaksanakan dengan serta-merta semua haknya yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini dan mengubah terma dalam Terma dan Syarat ini serta apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya sejauh mana yang perlu bagi memastikan Terma dan Syarat ini serta apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya adalah patuh kepada prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian dan pekeliling Syariah.

- 29.5 Tanpa mengambil kira apa-apa penentuan bahawa mana-mana atau semua Terma dan Syarat ini dan/atau apa-apa urusan niaga yang dibuat menurutnya adalah dalam apa jua cara dan bentuk tidak mematuhi Syariah, Ahli Kad bersetuju bahawa Keberhutangan yang timbul daripada penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad terus berkuat kuasa dan terhutang dan tidak akan menghadapi kesan negatif akibat ketidakpatuhan Syariah.
- 29.6 Adalah dipersetujui dan diakui bahawa tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini dan semua dokumentasi berkaitannya akan mewajibkan mana-mana pihak untuk membayar atau menerima faedah (dalam apa jua cara atau nama sekalipun) ke atas apa-apa amaun yang kena dan perlu dibayar, kepada pihak lain atau melakukan apa-apa yang bertentangan dengan prinsip Syariah.

30. AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (“APKI”)

- 30.1 Ahli Kad membuat representasi dan memberi jaminan kepada Bank bahawa tiada seorang pun pengarah, pengurus, ejen atau penjamin Ahli Kad mahupun mana-mana pasangan, ibu bapa atau anak masing-masing yang bekerja dengan Bank atau mana-mana syarikat subsidiari Bank yang akan mengakibatkan pelaksanaan Terma dan Syarat ini melanggar mana-mana peruntukan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“APKI”) atau apa-apa garis panduan atau piawaian yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Ahli Kad mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya pekerjaan sedemikian dimulakan atau dihasratkan. Bank berhak untuk menamatkan Terma dan Syarat ini di bawah Fasal 17.4 jika mana-mana peruntukan dalam APKI atau mana-mana garis panduan atau piawaian yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dilanggar atau tidak dipatuhi pada bila-bila masa.

31. MENCAGARKAN DEPOSIT BERTEMPOH/TETAP

- 31.1 Bank boleh mempertimbangkan permohonan Ahli Kad untuk kemudahan Kad Kredit-i dengan meminta Ahli Kad mencagarkan, berdasarkan prinsip *Rahn*, deposit bertempoh/tetap dengan jumlah yang sama dengan Had Kredit untuk memperoleh kemudahan tersebut.
- 31.2 Sebagaimana dan apabila diperlukan oleh Bank, Ahli Kad hendaklah menandatangani surat untuk mencagarkan deposit bertempoh/tetap itu dan/atau surat menolak selesai sebagai cagaran untuk kemudahan Kad Kredit-i.
- 31.3 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa amaun dalam deposit bertempoh/tetap itu kekal secukupnya pada setiap masa sehingga amaun belum jelas di bawah Kad Kredit-i diselesaikan sepenuhnya dan Kad Kredit-i ditamatkan/dibatalkan.

32. PENGECUALIAN LIABILITI

- 32.1 Melainkan disebabkan oleh kesilapan, salah representasi atau kecuaiannya Bank atau pekerjanya, Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab atas ganti rugi yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad berkaitan dengan mana-mana penyata, representasi, komunikasi, atau implikasi yang berkaitan dengan atau timbul daripada apa-apa pembatalan, penggantungan, atau sekatan penggunaan Kad Kredit-i oleh Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada penyenaian Kad Kredit-i dalam senarai pembatalan.
- 32.2 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami Ahli Kad yang timbul daripada apa-apa tindakan atau ketertinggalan mana-mana Saudagar yang Dibenarkan atau institusi ahli Visa/Mastercard, dalam apa jua cara ia berlaku, termasuk

tetapi tidak terhad kepada apa-apa pegangan dan/atau keengganan untuk menerima Kad Kredit-i atau apa-apa penyata, representasi dan komunikasi yang dibuat oleh Saudagar yang Dibenarkan atau institusi ahli Visa/Mastercard tersebut atau apa-apa kerosakan atau kekurangan pada barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan.

- 32.3 Ahli Kad boleh mengendalikannya apa-apa tuntutan atau pertikaian secara terus dengan Saudagar yang Dibenarkan atau institusi ahli Visa International/Mastercard dan mengaku janji untuk tidak menanggukannya apa-apa pembayaran kepada Bank disebabkan tuntutan atau pertikaian berkenaan atau dalam apa jua keadaan.
- 32.4 Kegagalan Bank, atas apa-apa sebab, untuk mengemukakan atau menghantar penyata bulanan kepada Ahli Kad tidak akan menghalang Bank daripada mengakru Caj Keuntungan. Liabiliti Ahli Kad untuk Caj Keuntungan akan diteruskan dan bagi tujuan pengiraan Caj Keuntungan dan menetapkan tarikh pembayaran perlu dibayar, Bank boleh memilih satu tarikh pada setiap bulan sebagai tarikh penyata.
- 32.5 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang ditanggung dan/atau dialami oleh Ahli Kad yang mana urusan niaga itu dilakukan/dilaksanakan oleh perisian hasad atau virus dalam komputer peribadi Ahli Kad ("PC") atau peranti pintar yang digunakan oleh Ahli Kad. Untuk tujuan ini, Ahli Kad mengaku janji untuk mengambil semua langkah pencegahan yang perlu untuk melindungi PC dan peranti pintar yang digunakan untuk melaksanakan apa-apa urusan niaga menggunakan Kredit Kad-i dan memastikannya bebas daripada perisian hasad/virus serta menggunakan saluran dan mengamalkan langkah selamat untuk melindungi maklumatnya daripada perisian hasad, virus dan penipuan pancingan data.

33. MASA ADALAH TERAS

- 33.1 Masa, apabila disebut dalam ini, akan menjadi teras Terma dan Syarat ini.

34. PENGECUALIAN

- 34.1 Bank boleh mengecualikan untuk melaksanakan mana-mana haknya atau mana-mana syarat yang ditetapkan di bawah Terma dan Syarat ini secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicaranya.
- 34.2 Tiada kegagalan untuk melaksanakan dan tiada kelewatan dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan, syarat atau remedi oleh Bank akan dianggap sebagai pengecualian daripadanya, dan mana-mana satu atau sebahagian pelaksanaan mana-mana hak, keistimewaan, kuasa atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan selanjutnya atau pelaksanaan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini adalah terkumpul dan tidak eksklusif daripada mana-mana hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

35. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

- 35.1 Tanpa mengambil kira kandungan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini akan terus dikuatkuasakan sepenuhnya dan akan mengatasi apa-apa pembatalan, penarikan balik atau penggantungan Kad Kredit-i oleh Bank.

36. PENDEDAHAN

- 36.1 Ahli Kad membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk menyemak kedudukan kreditnya dengan majikan atau prinsipalnya atau mana-mana agensi pelaporan kredit yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
- 36.2 Ahli Kad membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memaklumkan atau memberitahu apa-apa maklumat berkaitan dengan Ahli Kad, Akaun Kadnya atau kelakuannya (kewangan atau sebaliknya) mengikut cara dan sejauh mana yang dianggap perlu oleh Bank:
 - 36.2.1 Kepada mana-mana Saudagar yang Dibenarkan, mana-mana bank atau institusi kewangan atau kepada mana-mana pihak, termasuk tetapi tidak terhad kepada Visa dan/atau Mastercard dan mana-mana institusi ahli Visa/Mastercard untuk memudahkan penggunaan Kad Kredit-i atau pemrosesan mana-mana urusan niaga yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan melalui penggunaan Kad Kredit-i atau apa-apa penyiasatan berhubung dengan apa-apa dakwaan penggunaan Kad Kredit-i atau kononnya penggunaan atau

- penyalahgunaan kad tersebut;
- 36.2.2 Kepada penasihat atau perunding Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada peguam, akauntan dan juruauditnya untuk atau berkaitan dengan apa-apa tuntutan yang dibuat, apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang kena dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- 36.2.3 Kepada mana-mana pihak berkuasa atau biro yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), termasuk Biro Kredit Pusat, Biro Maklumat Cek (BMC) dan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau biro atau badan lain yang ditubuhkan atau diluluskan oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank untuk tujuan mematuhi apa-apa obligasi undang-undang dan/atau untuk apa-apa tujuan pentadbiran atau kawal selia;
- 36.2.4 Kepada mana-mana ejen penyumberan luar Bank yang diluluskan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen kutipan hutang Bank, telepemasaran dan ejen jualan langsung dan pemasaran atau mana-mana rakan perniagaan strategik atau penyedia mana-mana program ganjaran, kesetiaan atau keistimewaan pihak ketiga, untuk tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada memungut atau mendapatkan semula apa-apa jumlah yang kena dan perlu dibayar di bawah Kad Kredit-i, memasarkan produk dan perkhidmatan strategik Bank atau rakan perniagaan strategik atau penyedia mana-mana program ganjaran, kesetiaan atau keistimewaan pihak ketiga.
- 36.3 Ahli Kad seterusnya bersetuju, membenarkan dan mengizinkan bahawa selagi mana-mana wang yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad kekal belum jelas, Bank berhak untuk mendedahkan maklumat mengenai perniagaannya (termasuk akaun Ahli Kad dan/atau akaun masa hadapan) dengan Bank kepada Public Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad atau syarikat yang merupakan atau yang pada masa hadapan mungkin merupakan syarikat subsidiari dan/atau syarikat berkaitan dengan Bank. Ahli Kad juga membenarkan dan mengizinkan entiti tersebut untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan Ahli Kad kepada Bank dan/atau kepada Public Bank Berhad dan/atau subsidiari lain yang berkaitan dan/atau syarikat berkaitan Bank.

37. NOTIS

- 37.1 Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang apa-apa perubahan nombor telefon dan/atau pertukaran alamat dan/atau pekerjaan atau perniagaan dan hasratnya untuk tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh (30) hari.
- 37.2 Apa-apa penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Ahli Kad boleh diberikan oleh Bank melalui mana-mana satu cara berikut:
- 37.2.1 Dengan serahan tangan atau melalui pos prabayar ke alamat Ahli Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank dan hendaklah diterima dengan sewajarnya oleh Ahli Kad dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan selepas pengeposan;
- 37.2.2 Melalui mel elektronik atau khidmat pesaran ringkas (SMS) ke alamat e-mel atau nombor telefon terakhir Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan makluman tersebut akan diterima dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran;
- 37.2.3 Melalui penghantaran faksimili ke nombor faksimili yang terakhir diketahui oleh Bank dan ia akan dianggap telah diterima pada masa penghantaran faksimili berjaya dihantar;
- 37.2.4 Dengan mempamerkannya di premis perniagaan Bank dan makluman sedemikian hendaklah dianggap telah dibuat selepas dipaparkan;
- 37.2.5 Dengan cara pengiklanan dalam satu (1) sisipan dalam mana-mana akhbar nasional dan maklumat itu hendaklah dianggap telah dibuat pada tarikh penyiaran iklan dalam mana-mana akhbar tersebut;
- 37.2.6 Dengan memasukkan notis dalam penyata akaun Ahli Kad dan makluman tersebut akan dianggap telah diberikan selepas dua (2) Hari Perniagaan dari tarikh pengeposan notis yang terkandung dalam penyata akaun kepada Ahli Kad;
- 37.2.7 Dengan menyiarkan mesej melalui laman web Bank;
- 37.2.8 Cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 37.3 Apa-apa kegagalan Ahli Kad untuk memaklumkan apa-apa pertukaran

alamatnya yang mengakibatkan kelewatan atau pengembalian apa-apa penyata bulanan, surat-menyurat dan notis tidak akan memprejudiskan hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.

38. PENYAMPAIAN NOTIS

- 38.1 Ahli Kad bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis apa-apa proses undang-undang ("Notis") berkaitan dengan apa-apa tuntutan berikutan daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini boleh dilaksanakan dengan menghantar salinan yang sama melalui pos ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau ke alamat lain yang dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank. Notis hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh Ahli Kad dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas tarikh pengeposan. Dalam membuktikan penghantaran, adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa Notis telah dihantar ke alamat yang betul.

39. SIJIL KEBERHUTANGAN

- 39.1 Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank mengenai wang yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank buat masa ini oleh Ahli Kad hendaklah menjadi bukti muktamad dan konklusif atau bukti bahawa amaun yang tertera di dalamnya adalah perlu dibayar dan terhutang dan kena bayar oleh Ahli Kad kepada Bank dalam apa-apa prosiding undang-undang.
- 39.2 Apa-apa pengakuan atau perakuan secara bertulis oleh Ahli Kad atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Ahli Kad mengenai jumlah Keberhutangan Ahli Kad kepada Bank dan apa-apa penghakiman yang diperolehi oleh Bank terhadap Ahli Kad berkaitan dengan Keberhutangan tersebut hendaklah mengikat dan muktamad di mana-mana mahkamah di dalam atau di luar Malaysia.
- 39.3 Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menyumber luar fungsi kutipan hutang Bank kepada agensi kutipan hutang dari sumber luar yang diluluskan oleh BNM untuk tujuan mengutip semua wang sedemikian bagi pihak Bank dari semasa ke semasa yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank daripada Ahli Kad. Selain itu, Bank mempunyai hak untuk menjual kepada pihak ketiga semua pembiayaan terjejas tersebut.

40. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- 40.1 Ahli Kad mengesahkan bahawa Ahli Kad telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan notis privasi yang dikeluarkan oleh Bank ("Notis Privasi") (yang boleh didapati di cawangan Bank serta melalui laman web Bank di www.publicislamicbank.com.my) dan peruntukan dalam Terma dan Syarat ini yang berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi Pelanggan (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010). Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad bersetuju bahawa Notis Privasi hendaklah dianggap sebagai dimasukkan secara rujukan dalam Terma dan Syarat ini.
- 40.2 Sekiranya Ahli Kad memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk data yang berkaitan dengan waris dan tanggungan, penjamin individu dan penyedia sekuriti mereka, untuk tujuan Kad Kredit-i, Ahli Kad:
- 40.2.1 mengesahkan bahawa Ahli Kad telah mendapat persetujuan mereka dan berhak untuk memberikan Data Peribadi kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya menurut Terma dan Syarat ini dan/atau terma yang ditetapkan dalam Borang Permohonan;
- 40.2.2 mengaku janji bahawa Ahli Kad telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut untuk membaca Notis Privasi melalui laman web Bank di www.publicislamicbank.com.my ;
- 40.2.3 mengesahkan bahawa Ahli Kad telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut:
- i) bahawa Bank boleh mengumpul atau mengesahkan Data Peribadi dan data kewangan mereka dengan sumber pihak ketiga;
 - ii) bahawa Bank boleh mendedahkan Data Peribadi mereka kepada kelas-kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Notis Privasi;
- 40.2.4 bersetuju untuk memastikan bahawa Data Peribadi dan data kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
- 40.2.5 bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku apa-apa perubahan penting kepada Data

- Peribadi dan data kewangan tersebut; dan
- 40.2.6 bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kad Kredit-i sekiranya keizinan ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 40.3 Ahli Kad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan kepada Bank adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan serta maklumat tersebut sentiasa dikemas kini.
- 40.4 Ahli Kad mengakui bahawa jika Ahli Kad kemudiannya menarik balik keizinan Ahli Kad untuk memproses Data Peribadi Ahli Kad seperti yang diberikan sebelum ini kepada Bank, memandangkan Bank tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi Ahli Kad berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi, Bank mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti daripada menyediakan apa-apa produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang mempunyai kaitan dengan Data Peribadi tersebut.
- 40.5 Bank berhak untuk meminda fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank dan hendaklah memberikan maklumat terlebih dahulu kepada Ahli Kad secara bertulis dan menyiarkan apa-apa pindaan tersebut melalui laman web Bank atau dengan meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi yang menonjol dalam cawangan Bank atau melalui cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 40.6 Fasal ini hendaklah tidak mempunyai prejudis kepada mana-mana peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini yang memperuntukkan pendedahan data.

NOTA

PERKHIDMATAN PELANGGAN

KEHILANGAN KAD

Untuk kad yang hilang atau dicuri, hubungi 03-2176 8555 atau kunjungi bank ahli Visa International/Mastercard Worldwide yang berhampiran untuk memfailkan laporan. Laporkan apa-apa Kad yang dicuri dengan segera. Sekiranya PIN rahsia anda telah didedahkan, anda juga mesti melaporkannya dengan segera. Untuk maklumat lanjut, rujuk Fasal 6 dalam Perjanjian Ahli Kad.

PERKHIDMATAN PANGGILAN 24 JAM

Untuk bantuan mengenai apa-apa masalah berkaitan dengan Kad, perkhidmatan pelanggan kami boleh dihubungi 24 jam setiap hari melalui 03-2170 8000